



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (29)
Tarikh : 3 Jun 2021

SIARAN MEDIA

LANJUTAN TEMPOH PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA PINDAH MILIK DAN PERJANJIAN PINJAMAN BAGI PEMBELIAN RUMAH KEDIAMAN DI BAWAH *HOME OWNERSHIP CAMPAIGN* (HOC)

PUTRAJAYA, 3 Jun 2021 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) menyambut baik keputusan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang telah bersetuju untuk **melanjutkan tempoh pengecualian duti setem ke atas Surat Cara Pindah Milik dan Perjanjian Pinjaman bagi Pembelian Rumah Kediaman di bawah *Home Ownership Campaign* (HOC) bermula 1 Jun hingga 31 Disember 2021 di bawah inisiatif PEMERKASA+** seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini. Ia selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 80(1) Akta Setem 1949.

Sehingga 10 Mei 2021, Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang bermula pada 1 Jun 2020 telah mencatatkan anggaran nilai jualan sebanyak RM31.2 bilion dengan bilangan hampir 50,000 unit kediaman yang terjual di seluruh Semenanjung Malaysia. Sebanyak RM6.3 bilion diskaun harga telah dinikmati oleh pembeli.

Pengecualian duti setem yang diberi di bawah kempen HOC sedia ada adalah seperti berikut :

- a. Pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai melebihi RM300,000 hingga RM2.5 juta. Pengecualian duti setem 100% diberikan terhadap kepada RM1 juta pertama nilai rumah tersebut. Baki selebihnya adalah tertakluk pada kadar 3%; dan

- b. Pengecualian duti setem 100% diberikan ke atas perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman bernilai melebihi RM300,000 sehingga RM2.5 juta.

Pengecualian ini diberikan tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- i. Harga jualan rumah kediaman hendaklah diberikan diskaun sekurang-kurangnya 10% dan disahkan oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sabah (SHAREDADA) dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA); dan
- ii. Pengecualian duti setem hanya layak dituntut oleh individu warganegara Malaysia berkuat kuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan pada atau selepas 1 Jun 2021 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2021.

KPKT amat menyokong inisiatif ini bagi menggalakkan peningkatan jumlah pemilikan rumah dalam kalangan rakyat Malaysia demi meningkatkan sektor pembinaan dan ekonomi negara.

- TAMAT -

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*